

KRITERIA AIM25

TERMA DAN SYARAT KELAYAKAN

1. Pencalonan terbuka untuk **Album, “Single” dan Video** Muzik yang diterbitkan di Malaysia dari **1 Januari 2025 – 31 Disember 2025**.
2. **[PENTING] Definisi “Tarikh Diterbitkan”:**
 - (i) Bagi Album dalam bentuk fizikal, ia adalah tarikh rasmi keseluruhan album dikeluarkan (“release date”) untuk tujuan jualan kepada orang awam dalam bentuk fizikal;
 - (ii) Bagi Album/“Single” dalam bentuk digital, ia adalah tarikh rasmi ianya dikeluarkan (“release date”) untuk tujuan jualan kepada orang awam dalam bentuk digital. Lagu mestilah boleh dimuat turun dalam bentuk lagu penuh dan bukan hanya sebahagian seperti “true tones” atau tona nada dering.
 - (iii) Bagi Video Muzik dalam bentuk digital, ia adalah tarikh rasmi Video Muzik penuh dikeluarkan (“release date”)
3. Pencalonan terbuka kepada semua Syarikat Rakaman dan Syarikat Produksi yang merupakan ahli kepada **Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)**.
4. Setiap pencalonan bagi setiap kategori harus disertakan dengan satu (1) Borang Pencalonan berserta bahan yang dimuat naik ke pautan ini: [insert new link]
 - a. Borang penyerahan pencalonan,
 - b. Lagu dalam format .wav (satu (a) lagu sahaja **dalam versi asal dan berkualiti “mastering”** – versi berlainan/’remix’ akan hilang kelayakan)
 - c. Muzik Video dalam format .mov
 - d. Gambar promosi rasmi artis / penulis lirik / komposer yang terlibat dalam lagu pencalonan
 - e. Logo Syarikat Rakaman / Syarikat Produksi bagi lagu pencalonan (satu untuk latar belakang putih dan satu untuk latar belakang hitam)
 - f. Tandatangan yang sah
 - g. Bukti pemastautin untuk yang bukan warganegara Malaysia (Visa)
 - h. Salinan kad pengenalan untuk warganegara Malaysia dan;
 - i. Bukti pembayaran untuk semua pencalonan boleh dibuat dalam satu resit.
5. Pencalonan untuk setiap lagu hanya boleh dihantar untuk **satu (1) genre muzik sahaja**. (ditetapkan oleh Syarikat Rakaman/Produksi) – Pop, Rock, R&B/Hip-Hop, Etnik, Borneo, dsb
6. Mana-mana artis yang bernaung di bawah Syarikat Rakaman atau Produksi yang merupakan ahli RIM yang memenuhi kriteria-kriteria di bawah akan dianggap sebagai layak:
 - (a) Mana-mana artis yang merupakan warganegara Malaysia;
 - (b) Mana-mana artis yang mempunyai status pemastautin tetap dan telah menetap di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu);
 - (c) Mana-mana artis luar yang berpangkalan di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu) dan yang bernaung di bawah Syarikat Rakaman atau Produksi yang merupakan ahli RIM.
 - (d) Bagi artis berkumpulan atau duo, sekurang-kurangnya 50% dari ahli kumpulan harus menepati salah satu kriteria di atas. Ahli majlis RIM berhak untuk menentukan kelayakan dalam keadaan khas dimana, sebagai contoh, artis berkenaan mempunyai hubungan sejarah dan budaya yang kukuh dengan Malaysia.
7. Mana-mana **komposer/penulis lirik** yang berada di bawah **Penerbit Muzik Malaysia** kecuali dinyatakan sebaliknya yang memenuhi kriteria-kriteria di bawah akan dianggap sebagai layak:

- (a) Mana-mana komposer/penulis lirik yang merupakan **warganegara Malaysia**;
 - (b) Mana-mana komposer/penulis lirik yang mempunyai status **pemastautin tetap** dan telah **menetap di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah** (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu);
 - (c) Mana-mana komposer/penulis lirik luar yang **berpangkalan di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun** dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu) dan ditandatangani di bawah penerbit muzik Malaysia.
 - (d) Ahli majlis RIM berhak untuk menentukan kelayakan dalam keadaan khas di mana, sebagai contoh, artis berkenaan mempunyai hubungan sejarah dan budaya yang kukuh dengan Malaysia.
8. Bagi kategori **“Kolaborasi Artis Tempatan Bersama Artis/Komposer Luar Negara Terbaik”**, pencalonan lagu yang dihantar haruslah menepati kriteria berikut:
- (a) **Penglibatan** sekurang-kurangnya **50% artis tempatan dalam lagu yang dicalon**.
9. Bagi kategori **“Album Terbaik”**, penerbit (Producer) haruslah menepati salah satu dari kriteria di bawah:
- (a) Mana-mana penerbit (Producer) yang merupakan warganegara Malaysia;
 - (b) Mana-mana penerbit yang mempunyai status pemastautin tetap dan telah menetap di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu);
 - (c) Mana-mana penerbit luar yang berpangkalan di Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dalam setahun dalam tempoh dua tahun berturut-turut sebelum acara anugerah (semasa tempoh kelayakan dan dalam kelayakan terdahulu).
10. Syarikat Rakaman bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan kategori yang sesuai dan betul untuk setiap pencalonan. Mana-mana penyertaan yang didapati mengandungi maklumat yang tidak betul atau tidak disertakan dengan maklumat dan bahan-bahan yang diperlukan akan dibatalkan. Yuran pencalonan tidak akan dikembalikan apabila pencalonan telah terbatal.
11. Dengan mengemukakan pencalonan, Syarikat Rakaman dan Syarikat Produksi dengan ini tanpa ragu-ragu memberikan kuasa sepenuhnya untuk membenarkan artis/lagu/album ditampilkan di dalam persembahan ‘live’ yang mungkin akan disiarkan di televisyen & platform digital untuk tujuan promosi majlis, di mana pemilihan dan syarat-syaratnya diputuskan mengikut budi bicara mutlak RIM dengan tujuan untuk mempromosikan acara AIM25.
12. **Sebuah album** harus mengandungi sebanyak **minimum lima (5) buah lagu**, dengan **tempoh jangka masa tidak kurang dari 15 minit**.
13. **Album versi deluxe atau versi terbitan semula (“re-release”)** hanya layak sekiranya mengandungi kandungan baharu yang signifikan (contoh: lagu baharu, rakaman semula, atau susunan semula). Kandungan baharu haruslah melebihi 80% dari jumlah keseluruhan album
14. **Kandungan Dijana oleh Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence – AI)**
Semua karya yang dihantar bagi pencalonan hendaklah mengandungi sumbangan kreatif manusia yang signifikan.
- a. **Karya yang dijana sepenuhnya oleh AI tanpa penglibatan manusia adalah tidak layak**

b. Semua lagu yang dihantar bagi pencalonan AIM akan disaring menggunakan alat pengesan muzik janaan AI. Sekiranya didapati sesebuah lagu dijana oleh AI, lagu tersebut akan dibatalkan kelayakan pencalonannya.

15. Sekiranya terdapat pertikaian atau ketidakpastian dalam pencalonan lagu/album/video muzik, keputusan akhir tertakluk kepada budi bicara RIM.
16. **Yuran pencalonan** untuk setiap penyertaan ialah **Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh sahaja (RM250.00)** (*Contoh: Untuk pencalonan Artis/Album/Lagu dalam tiga kategori – Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Lelaki), Album Terbaik dan Lagu Terbaik, jumlah yuran pencalonan adalah sebanyak RM750.00*). Pembayaran pencalonan haruslah dibuat menerusi online transfer di atas nama:

Recording Industry Association of Malaysia

Bank : Public Bank Berhad
Nombor Akaun : 3-1494263-00

17. Pencalonan mestilah dihantar melalui dalam talian aim1.org.my sebelum tarikh tutup pada **6 Ogos 2026, sebelum pukul 5.00 petang**.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Sekretariat AIM

Tel: 03-6207 2800/ 2899 / 2859 Emel: info@aim.org.my

KATEGORI ANUGERAH AIM25

KATEGORI UTAMA

- 1. ARTIS BARU TERBAIK**
- 2. VOKAL LELAKI TERBAIK**
- 3. VOKAL WANITA TERBAIK**
- 4. VOKAL KUMPULAN TERBAIK**
- 5. KUGIRAN TERBAIK**
- 6. VOKAL DUO/KOLABORASI TERBAIK**
- 7. VIDEO MUZIK TERBAIK**
- 8. RUNUT BUNYI (OST) TERBAIK DI DALAM FILEM/DRAMA**
- 9. LAGU ROCK TERBAIK**
- 10. LAGU POP TERBAIK**
- 11. LAGU RAP/HIP HOP TERBAIK**
- 12. LAGU POP ELEKTRONIK/DANCE TERBAIK**
- 13. LAGU INGGERIS TEMPATAN TERBAIK**
- 14. LAGU CINA TEMPATAN TERBAIK**
- 15. LAGU INDIA TEMPATAN TERBAIK**
- 16. LAGU BAHASA MELAYU TERBAIK YANG DIPERSEMBAHKAN OLEH ARTIS LUAR NEGARA**
- 17. KOLABORASI ARTIS TEMPATAN BERSAMA ARTIS/KOMPOSER LUAR NEGARA TERBAIK**
- 18. LAGU NASYID TERBAIK**
- 19. LAGU ETNIK TERBAIK**
- 20. LAGU PERPADUAN TERBAIK**
- 21. LAGU TRADISIONAL TERBAIK**
- 22. ALBUM TERBAIK**
- 23. LAGU TERBAIK**
- 24. LAGU BORNEO TERBAIK**

ANUGERAH KHAS

1. ANUGERAH SRI WIRAMA

KATEGORI PRA-ANUGERAH

- 1. KULIT SINGLE/ALBUM TERBAIK**
- 2. RAKAMAN ALBUM TERBAIK**
- 3. RAKAMAN LAGU TERBAIK**
- 4. SUSUNAN MUZIK TERBAIK DI DALAM LAGU**
- 5. LAGU PALING TINGGI DI STRIM**
- 6. VIDEO MUZIK RASMI PALING TINGGI DITONTON DI YOUTUBE**
- 7. LAGU DENGAN HASILAN TERTINGGI DI TIKTOK**
- 8. LAGU PERAYAAN TERBAIK**

KATEGORI DAN KRITERIA PENUH

KATEGORI UTAMA

1. ARTIS BARU TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Artis yang layak. Kategori ini adalah untuk Artis baru, sama ada solo atau kumpulan yang telah menerbitkan rakaman sulungnya yang memperkenalkan nama Artis tersebut dalam industri. Setiap Artis hanya boleh **mencalonkan satu (1) lagu** untuk kategori ini.*

Kriteria:

- Imej
- Persembahan
- Keupayaan Vokal
- Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- Mestilah rakaman album/single pertama
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti "mastering" –
- Versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon **Arial saiz 12** dalam huruf besar di dalam format PDF (tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan Pencipta lagu)
- Video Muzik dalam format .mov/.mp4
- Artikel Artis (dalam bentuk digital) - **minima 3 artikel** dalam media berlainan
- Biodata Artis
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
- Nama dan gambar artis resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg

2. VOKAL LELAKI TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Artis yang layak. Untuk persembahan vokal secara solo atau kugiran yang cuma mempunyai **satu (1) penyanyi/vokalis** layak untuk dicalonkan (Contoh – Alif Satar & The Locos, Akim & The Majistret, Xpose, dll). Setiap Artis hanya boleh mencalonkan **satu (1) lagu** untuk kategori ini.*

Kriteria:

- Penghayatan lagu
- Teknik vokal
- Kawalan suara
- Intonasi
- 'Pitching'
- Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
- Nama dan gambar artis resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg

3. VOKAL WANITA TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Artis yang layak. Untuk persembahan vokal secara solo atau kugiran yang cuma mempunyai **satu (1) penyanyi/vokalis** layak untuk dicalonkan (Contoh – Ella & The Boys, dll). Setiap Artis hanya boleh mencalonkan **satu (1) lagu** untuk kategori ini.*

Kriteria:

- Penghayatan lagu
- Teknik vokal
- Kawalan suara
- Intonasi
- ‘Pitching’
- Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
- Nama dan gambar artis resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg

4. VOKAL KUMPULAN TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Kumpulan yang layak. Setiap Kumpulan hanya boleh mencalonkan **satu (1) lagu** dalam kategori ini. Terbuka kepada kumpulan yang **TIDAK** bermain alat muzik sahaja (Contoh – Feminin, Innuendo, 4U2C, Res 2, dll).*

Kriteria:

- Lagu mestilah mengandungi **persembahan vokal oleh lebih dari seorang vokalis** dalam kumpulan tersebut.
- Penghayatan lagu
- Teknik vokal
- Kawalan suara
- Intonasi
- ‘Pitching’
- Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

Bahan diperlukan

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport ahli kumpulan
- Nama dan gambar ***artis** resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg

5. KUGIRAN TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Kugiran yang layak. Setiap Kugiran hanya boleh mencalonkan **satu (1) lagu** dalam kategori ini.*

Kriteria:

- Kugiran mestilah dianggotai oleh sekurang-kurangnya **tiga (3) ahli tetap, termasuk seorang penyanyi.**
- Keserasian dalam persembahan.
- Gubahan (“Arrangement”) dalam lagu mengikut genre masing-masing.
- Intonasi alatan muzik.
- Persembahan muzik.
- Lagu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa India atau Bahasa Cina.
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- *Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu)*
- Nama dan gambar artis resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg

6. VOKAL DUO/KOLABORASI TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Artis yang layak. Setiap Duo/Kolaborasi hanya boleh mencalonkan **satu (1) lagu** dalam kategori ini Contoh (Duo) – Dato’ Jamal Abdillah & Allahyarhamah Siti Sarah. Contoh (Kolaborasi) – Datuk Amy (Search), Dato’ Jamal Abdillah, Allahyarham Saleem (Iklim) dan Zamani (Slam).*

Kriteria:

- Lagu mestilah mengandungi **persembahan vokal oleh duet atau kolaborasi**
- Penghayatan lagu
- Teknik vokal
- Kawalan suara
- Intonasi
- ‘Pitching’
- Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format (.wav) (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
- Nama dan gambar artis resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg

7. VIDEO MUZIK TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Pengarah Video. Kategori ini terbuka kepada **Pengarah Video Tempatan** dan **Luar video muzik tempatan**. Pencalonan diterima ialah untuk **klip video artis** yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan.*

Kriteria:

- Konsep
- Seni wayang (‘Cinematography’)
- Arahan seni
- Suntingan
- Tenaga kerja penerbitan mestilah sekurang-kurangnya 60% warganegara Malaysia

Bahan diperlukan:

- Video muzik dalam **kualiti HD 1080p**
- Format Video yang diterima dalam bentuk digital: .mov/.mp4 – **saiz fail maksima 500MB**
- Tenaga Produksi haruslah **60%** dari warganegara Malaysia

8. RUNUT BUNYI (OST) TERBAIK DI DALAM FILEM/DRAMA

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau kumpulan dan juga layak dicalonkan untuk kategori lagu-lagu terbaik.

Kriteria:

- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan vokal
- Keserasian lagu dengan filem/drama
- Minimum **60% dalam Bahasa Melayu**
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & Syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat **di studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)

- Klip video untuk lagu/runut bunyi yang digunakan dalam filem/drama dalam kualiti HD 1080p
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu)
- Sinopsis Filem/Drama (tidak lebih dari 1 muka surat dalam fon Arial saiz 12 di dalam format PDF)

9. LAGU ROCK TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, pencipta lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau kumpulan. Genre termasuk Pop Rock, Punk Rock, , Hard Rock, dll.)

Kriteria:

- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan Vokal
- Minimum **60% terdiri dari Bahasa Melayu**
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu)
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

10. LAGU POP TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau kumpulan. Genre termasuk, Pop, R&B, Balada, dll.

Kriteria:

- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan vokal

- Minimum 60% terdiri dari Bahasa Melayu.
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi
- (lebih dari 1MB) dalam format .jpg
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)

11. LAGU RAP/HIP HOP TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau kumpulan. Contoh: Ska

Kriteria:

- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan vokal
- Minimum 60% terdiri dari Bahasa Melayu
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan Pencipta Lagu*)
- Nama dan gambar artis, Pencipta Lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

12. LAGU POP ELEKTRONIK/DANCE TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau kumpulan. Genre termasuk Disco House, Trance, Electro Pop, dll.

Kriteria:

- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu

- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan vokal
- Minimum **60% dalam** Bahasa Melayu
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)

13. LAGU INGERIS TEMPATAN TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau berkumpulan. Pencalonan terbuka untuk semua genre muzik.

Kriteria:

- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan Vokal
- Lagu Bahasa Inggeris
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** asas haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versii berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*).

14. LAGU CINA TEMPATAN TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau kumpulan. Pencalonan terbuka untuk semua genre muzik.

Kriteria:

- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan Vokal
- Lagu Bahasa Cina
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** asas haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg
- Salinan lirik **dalam Bahasa Cina bersama terjemahan dalam Bahasa Melayu** yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*).

15. LAGU INDIA TEMPATAN TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau kumpulan. Pencalonan terbuka untuk semua genre muzik.

Kriteria:

- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan Vokal
- **Lagu** Bahasa India
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** asas haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

- Salinan lirik **dalam Bahasa India dengan terjemahan dalam** Bahasa Melayu yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*).

16. LAGU BAHASA MELAYU TERBAIK YANG DIPERSEMBAHKAN OLEH ARTIS LUAR NEGARA

Dianugerahkan kepada Artis Luar Negara yang layak untuk lagu yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan.. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo dan berkumpulan.

Kriteria:

- Artis luar negara yang mempromosikan gubahan lagu Melayu di Malaysia
- Kualiti lagu
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan vokal
- Minimum 60% terdiri dari Bahasa Melayu

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis
- Nama dan gambar artis resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg
- *Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu)*

17. KOLABORASI ARTIS TEMPATAN BERSAMA ARTIS/KOMPOSER LUAR NEGARA TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Artis Malaysia yang berkolaborasi bersama Artis/ Pencipta Lagu Luar Negara yang layak untuk lagu yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo dan berkumpulan. Setiap Solo/Duo/Kolaborasi hanya boleh mencalonkan **satu** (1) lagu dalam kategori ini.*

Kriteria:

- Lagu mestilah mengandungi persembahan vokal secara solo, duet atau kolaborasi
- Penghayatan lagu
- Teknik vokal
- Kawalan suara
- Intonasi
- ‘Pitching’
- Lagu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa India atau Bahasa Cina.
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 8 dalam terma & syarat)

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format (.wav) (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu)

- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis dan Pencipta Lagu
- Nama dan gambar **artis** dan pencipta lagu resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg
- Salinan lirik **dalam Bahasa Asal dengan terjemahan dalam Bahasa Melayu** yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*).

18. LAGU NASYID TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau berkumpulan. Genre termasuk Nasyid Kontemporari, Ketuhanan, dll., **KECUALI Dzikir/Zikir dan ayat-ayat suci Al-Quran.***

Kriteria:

- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan vokal
- Minimum **60%** Bahasa Melayu **dan/atau 40% Bahasa Arab/Inggeris**
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

19. LAGU ETNIK TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau berkumpulan. Genre termasuk Muzik Orang Asli, Dialek Tempatan, Malaysia Timur dan Muzik Etnik (termasuk Muzik Etnik Cina dan India)

Kriteria:

- Mesti mengandungi unsur-unsur tradisional
- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg
- Salinan lirik **dalam Bahasa Asal dengan terjemahan dalam Bahasa Melayu** yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*).

20. LAGU BORNEO TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau berkumpulan. Genre termasuk Muzik Bumiputera, Dialek Tempatan, Malaysia Timur dan Muzik Etnik (termasuk pelbagai dialek di Borneo).

Kriteria:

- Artis 100% Borneo (Sabah atau Sarawak)
- Komposer & Penulis 100% Borneo (Sabah atau Sarawak)
- Minimum **60% Dialek Lokal dan/atau 40% Bahasa Melayu/Inggeris**
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Salinan lirik **dalam Bahasa asal bersama terjemahan dalam Bahasa Melayu** yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*).
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

21. LAGU PERPADUAN TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau berkumpulan.

Kriteria:

- Lirik mesti mengandungi unsur-unsur perpaduan dan patriotisme
- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu

- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan **penulis** lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

22. LAGU TRADISIONAL TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau berkumpulan. Genre termasuk Keroncong, Ghazal, Joget, Zapin, dll.)

Kriteria:

- Mesti mengandungi unsur-unsur tradisional
- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Salinan lirik yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*)
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan penulis lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

23. ALBUM TERBAIK

Dianugerahkan kepada Penerbit Album (sila rujuk terma 9 dalam terma & syarat kelayakan) dan Artis.

Kriteria:

- Album kompilasi oleh artis berlainan tidak layak untuk kategori ini
- Sekurang-kurangnya satu (1) lagu dalam album mesti dicalonkan dalam calonan akhir (“Top Five”) kategori yang dipertandingkan atau memenangi kategori lain

- Kualiti lagu
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Persembahan vokal
- 60% dalam Bahasa Melayu
- 60% digubah oleh warganegara Malaysia tertakluk kepada syarat kelayakan
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**
- Kulit album

Bahan diperlukan:

- Album dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Penerbit Album dan Artis
- *Nama dan gambar kulit album, penerbit album dan artis dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg*

24.LAGU TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Artis, Komposer dan Penulis Lirik yang layak. Kategori ini tidak dibuka untuk pencalonan. Penerima anugerah ini akan **dihakimi** oleh sebuah **panel juri bebas** berdasarkan pemenang kategori Lagu Pop Etnik Terbaik, Lagu Nasyid Terbaik, Lagu Rock Terbaik, Lagu Pop Terbaik, Lagu Rap/Hip Hop Terbaik, Lagu Inggeris Tempatan Terbaik, Lagu Cina Tempatan Terbaik, Lagu India Tempatan Terbaik, Lagu Pop Elektronik/Dance Terbaik, Lagu Perpaduan Terbaik, Lagu Tradisional Terbaik, Lagu Borneo Terbaik dan Lagu Perayaan Terbaik*

ANUGERAH KHAS

1. ANUGERAH SRI WIRAMA

Kategori ini tidak dibuka untuk pencalonan dan penghakiman. Penerima anugerah ini akan ditentukan sepenuhnya oleh ahli Majlis RIM.

Kriteria: - Seseorang individu yang telah membuat sumbangan yang cemerlang kepada industri muzik Malaysia

KATEGORI PRA-ANUGERAH

1. KULIT SINGLE/ALBUM TERBAIK

Dianugerahkan kepada Pereka. Kategori ini terbuka kepada Pereka Tempatan dan Luar kulit album.

Kriteria:

- Konsep
- Grafik
- Penggambaran (Fotografi)
- Arahan seni
- Susun atur (“Layout”)
- Penerbitan haruslah dibuat di Malaysia

Bahan diperlukan:

- Gambar kulit single/album resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format jpg
- Nama dan gambar *pereka album/single* dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

2. RAKAMAN ALBUM TERBAIK

Dianugerahkan kepada Jurutera Bunyi. Kategori ini terbuka kepada Jurutera Bunyi Tempatan dan Luar album tempatan.

Kriteria:

- Rakaman
- 'Processing'
- 'Effects'
- 'Balancing'
- 'Separation' (alat Muzik dan Vokal)
- Rakaman dan 'Mixing' asas haruslah dibuat di studio di Malaysia
- Versi 'deluxe' atau 're-release' hanya layak sekiranya mengandungi kandungan
- Kandungan yang telah dicalonkan dalam edisi terdahulu tidak boleh dicalonkan semula tanpa perubahan ketara

Bahan diperlukan:

- Album dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti "mastering" – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Gambar kulit album beresolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg

3. RAKAMAN LAGU TERBAIK

*Dianugerahkan kepada Jurutera Bunyi. Kategori ini terbuka kepada Jurutera Bunyi Tempatan dan Luar **lagu** tempatan.*

Kriteria:

- Rakaman
- 'Processing'
- 'Effects'
- 'Balancing'
- 'Separation' (alat Muzik dan Vokal)
- 'Mastering'
- **Rakaman muzik** asas haruslah dibuat **di studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti "mastering" – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Gambar kulit **single** resolusi tinggi (lebih daripada 1MB) dalam format .jpg

4. SUSUNAN MUZIK TERBAIK DI DALAM LAGU (SEMUA BAHASA)

Dianugerahkan kepada "Arranger". Kategori ini juga terbuka kepada "Arranger" Tempatan dan Luar.

Kriteria:

- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)

- Kreativiti
- Kesesuaian
- Kualiti gubahan

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Gambar “Arranger” dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg

5. LAGU PALING TINGGI DI STRIM

Dianugerahkan kepada Syarikat Rakaman dan juga artis.

Kriteria:

- Lagu mestilah dari Album/Single dari Syarikat Rakaman
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- Jumlah strim di platform muzik digital yang di audit oleh pihak RIM/Juruaudit yang dilantik
- **Lagu mestilah mempunyai kod ISRC tempatan yang menggunakan prefix “MY” (Malaysia)."**

6. VIDEO MUZIK RASMI PALING TINGGI DITONTON DI YOUTUBE

Dianugerahkan kepada Syarikat Rakaman dan juga artis

Kriteria:

- Video muzik rasmi dari album/single dari Syarikat Rakaman dalam kualiti HD 1080p
- Video muzik rasmi mesti dibuat diterbitkan di Malaysia
- Jumlah tontonan Video muzik di platform muzik digital yang di audit oleh pihak RIM/Juruaudit yang dilantik
- **Video Muzik mestilah mempunyai kod ISRC tempatan yang menggunakan prefix “MY” (Malaysia)."**

7. LAGU DENGAN HASILAN TERTINGGI DI TIKTOK

Dianugerahkan kepada Syarikat Rakaman dan juga artis

Kriteria:

- Lagu rasmi dari album/single dari Syarikat Rakaman dalam kualiti HD 1080p
- Jumlah tontonan kandungan Video yang dimuat naik di platform muzik digital yang diberi kepada RIM dari TikTok.
- **Lagu mestilah mempunyai kod ISRC tempatan yang menggunakan prefix “MY” (Malaysia)."**
-

8. LAGU PERAYAAN TERBAIK

Dianugerahkan kepada Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik untuk lagu baru bertemakan sambutan perayaan/festival yang diterbitkan dalam tempoh pencalonan. Kategori ini adalah untuk persembahan vokal solo, duo atau kumpulan. Terbuka kepada semua bahasa termasuk Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil, dialek tempatan dan bahasa etnik.

Kriteria:

- Lirik mesti mengandungi unsur-unsur perayaan
- Penghakiman dibuat berdasarkan penggunaan genre yang sesuai
- Kualiti lagu
- Melodi
- Lirik
- Susunan muzik
- Kualiti rakaman dan penerbitan
- Lagu mesti menepati kriteria kelayakan (rujuk terma 6 & 7 dalam terma & syarat)
- **Rakaman muzik** haruslah dibuat di **studio di Malaysia**

Bahan diperlukan:

- Lagu dalam format .wav (dalam versi asal sahaja dan berkualiti “mastering” – Versi berlainan/remix akan hilang kelayakan)
- Salinan Kad Pengenalan/Pasport Artis, Pencipta Lagu dan Penulis Lirik
- Salinan lirik **dalam Bahasa asal bersama terjemahan dalam Bahasa Melayu** yang ditaip dalam fon Arial saiz 12 dalam huruf besar di dalam format PDF (*tidak perlu nyatakan syarikat rakaman, nama penulis lirik dan pencipta lagu*).
- Nama dan gambar artis, pencipta lagu dan **penulis** lirik dalam resolusi tinggi (lebih dari 1MB) dalam format .jpg